BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen No: 03/05/59 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1730 pada hari Isnin, 28 Mac 2005

Perkembangan Monetari dan Kewangan Februari 2005
Maklumat Utama Siaran Akhbar

Aktiviti pembiayaan mapan pada bulan Februari, terutamanya kepada PKS

Kedudukan sistem perbankan terus bertambah kukuh pada bulan Februari. Nisbah pinjaman tak berbayar (NPL) bersih berasaskan klasifikasi enam bulan bertambah baik pada tahap 5.8% pada akhir bulan Februari, paras terendah sejak krisis Asia. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) turut meningkat kepada 14.2% pada akhir bulan Februari. Ini juga merupakan paras paling kukuh sejak krisis Asia. Dengan persekitaran kadar faedah yang menggalakkan, kedudukan kewangan institusi perbankan yang lebih kukuh menyumbang kepada pembiayaan sektor swasta yang mapan. Pinjaman terkumpul sistem perbankan terus berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi sebanyak 8.3% pada akhir bulan Februari. Khususnya, pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang kukuh, dengan pinjaman terkumpul kepada PKS mencatat kadar pertumbuhan tahunan 9.1% pada bulan Februari, untuk mencakup bahagian yang lebih tinggi sebanyak 40.7% daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Pen No: 03/05/59 (BN)

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1730 pada hari Isnin, 28 Mac 2005

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN FEBRUARI 2005

Aktiviti pembiayaan mapan pada bulan Februari, terutamanya kepada PKS

Dalam pasaran wang, kadar antara bank semalaman berwajaran harian berpurata pada kadar 2.70% pada bulan Februari 2005. Walaupun kadar deposit dalam pasaran runcit kekal tidak berubah, kadar pemberian pinjaman purata bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing menurun sedikit kepada 5.95% dan 8.74%.

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal mapan pada bulan Februari. Pada asas kasar dan bersih, jumlah pembiayaan yang diberikan kepada sektor swasta (pinjaman bank dan sekuriti hutang swasta terkumpul) meningkat pada kadar tahunan yang mapan, iaitu masing-masing sebanyak 10.8% dan 8.9% pada bulan Februari.

Aktiviti pemberian pinjaman kekal kukuh pada bulan Februari, dengan pengeluaran pinjaman dan pinjaman terkumpul masing-masing meningkat pada kadar tahunan yang lebih kukuh sebanyak 11.2% dan 8.3%. Khususnya, pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang kukuh, dengan pinjaman terkumpul kepada PKS mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 9.1% pada bulan Februari, untuk mencakup bahagian yang lebih tinggi sebanyak 40.7% daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan.

Sementara itu, dalam pasaran modal, dana bersih yang diperoleh kekal ketara, iaitu berjumlah RM2.4 bilion pada bulan Februari, yang terutamanya diperoleh sektor awam. Satu kelas aset baru diperkenalkan dalam pasaran modal dengan penerbitan bon perbandaran berasaskan prinsip Islam yang pertama bernilai RM80 juta yang bersandarkan kutipan taksiran cukai harta tanah sebuah majlis perbandaran tempatan.

Wang secara luas, M3, berkembang pada kadar tahunan 12.4% pada bulan Februari, disebabkan terutamanya oleh aliran masuk daripada sektor luar negeri dan pinjaman yang diberikan kepada sektor swasta.

Kedudukan sistem perbankan bertambah baik seperti yang dicerminkan oleh pengukuhan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) kepada 14.2% dan nisbah pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih yang lebih rendah sebanyak 5.8% pada akhir bulan Februari.

Kadar faedah kekal stabil

Operasi mudah tunai Bank Negara Malaysia adalah menguncup untuk mengimbangi operasi luar negeri bersih yang mengembang dan untuk menyokong kadar antara bank semalaman yang stabil. Dalam tempoh 1 Februari – 25 Mac, purata berwajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat antara 2.68% - 2.72%, dengan berpurata 2.70%. Kadar deposit dan kadar pemberian pinjaman kekal stabil pada bulan Februari. Kadar pemberian pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah manakala kadar pemberian pinjaman purata (ALR) bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing menurun sedikit kepada 5.95% dan 8.74%.



Kadar antara bank semalaman stabil



Kadar antara bank yang lain juga stabil



Operasi mudah tunai adalah menguncup pada bulan Februari, terutamanya bagi mengimbangi operasi luar negeri bersih yang mengembang



Nisbah pinjaman-deposit menjadi sederhana kepada 77.7%



Kebanyakan kadar pemberian pinjaman runcit tidak berubah



Kadar deposit tetap bank perdagangan kekal tidak berubah



Kadar deposit tetap syarikat kewangan kekal tidak berubah



Kadar benar deposit tetap 3 bulan menjadi stabil

Prestasi ringgit

Mencerminkan pergerakan dalam dolar Amerika Syarikat (AS), ringgit menyusut nilai berbanding dengan euro dan paun sterling, tetapi menambah nilai berbanding dengan yen pada bulan Februari. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau.

Bagi tempoh 1-25 Mac, ringgit menambah nilai berbanding dengan euro, yen dan paun sterling. Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menyusut nilai berbanding dengan peso Filipina (0.9%), tetapi menambah nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (1.7%), baht Thailand (1.7%), dolar Singapura (1%) dan won Korea (0.8%).





Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan (%)		
	Dis 04	Jan 05	Feb 05	25 Mac 05	Akhir Jan 05 - Feb 05	Akhir Feb 05 - 25 Mac 05	Akhir Dis 04 - 25 Mac 05
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0
Euro	5.1729	4.9480	5.0437	4.9182	-1.9	2.6	5.2
Paun sterling	7.3169	7.1617	7.3065	7.1037	-2.0	2.9	3.0
100 yen Jepun	3.7026	3.6669	3.6282	3.5714	1.1	1.6	3.7
Dolar Singapura	2.3258	2.3175	2.3360	2.3119	-0.8	1.0	0.6
100 baht Thailand	9.7636	9.8535	9.9139	9.7498	-0.6	1.7	0.1
100 peso Filipina	6.7706	6.8966	6.9463	7.0098	-0.7	-0.9	-3.4
100 rupiah Indonesia	0.0408	0.0415	0.0410	0.0404	1.1	1.7	1.2
100 won Korea	0.3671	0.3698	0.3781	0.3753	-2.2	0.8	-2.2

Inflasi kekal tidak berubah

Inflasi, seperti yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna, kekal tidak berubah pada 2.4% pada bulan Februari (Januari: 2.4%). Perubahan harga yang ketara pada bulan ini ialah kenaikan kadar sewa serta harga yang lebih tinggi bagi perabot, hiasan dalaman dan peralatan dan pengendalian rumah. Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi oleh penurunan harga pakaian dan kasut serta kenaikan caj pengangkutan dan perhubungan yang lebih perlahan.



Inflasi keseluruhan pada 2.4%

Harga pengeluar meningkat sedikit

Pada asas tahunan, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat sedikit, iaitu 3.6% pada bulan Januari (Disember: 3.4%) disebabkan terutamanya oleh kenaikan yang kecil dalam harga komoditi. Tidak termasuk harga komoditi, IHPR meningkat pada kadar 2.1%.



Inflasi IHPR meningkat sedikit

Pengembangan bekalan wang kekal kukuh

Kesemua agregat monetari mencatat pertumbuhan yang mapan pada bulan Februari. Pada asas tahunan, baki urus niaga (M1) berkembang 13.9% (Januari: 15.5%). Sementara itu, wang secara luas (M3) berkembang pada kadar pertumbuhan yang mapan sebanyak 12.4% (Januari: 12.5%). Peningkatan M3 adalah hasil daripada operasi luar negeri yang mengembang serta pemberian pinjaman oleh sistem perbankan yang mapan kepada sektor swasta. Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi sebahagiannya oleh impak penguncupan deposit Kerajaan dengan Bank Negara Malaysia.

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	2004	**Jan 05**	**Feb 05**	**Jan-Feb 05**
M3	68.0	6.6	5.9	12.5
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	-11.8	-5.3	-5.3	-10.6
Tuntutan ke atas sektor swasta	30.3	1.0	2.4	3.3
Pinjaman	*39.8*	*0.4*	*3.2*	*3.6*
Sekuriti	*-9.6*	*0.6*	*-0.9*	*-0.3*
Operasi luar negeri bersih*	82.2	7.7	10.8	18.5
Pengaruh lain	-32.7	3.2	-1.9	1.3

* Sebelum penilaian semula



Pertumbuhan bekalan wang yang mapan

Deposit sistem perbankan terus meningkat

Jumlah deposit meningkat sebanyak RM5.4 bilion atau pada kadar tahunan 12.6% pada bulan Februari. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh

penyimpanan deposit yang lebih tinggi oleh individu dan perusahaan perniagaan tempatan. Sejumlah besar deposit yang disimpan adalah dalam bentuk deposit tetap dan repo.

Deposit mengikut Penyimpan
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 04	**Jan 05**	**Feb 05**	**Jan - Feb 05**
Kerajaan Persekutuan	-376	169	198	366
Kerajaan Negeri	-62	-413	610	197
Badan Berkanun [1]	1,571	-297	-255	-553
Institusi Kewangan	1,551	-4,201	398	-3,802
Perusahaan Perniagaan	6,612	5,880	1,653	7,534
Individu	4,078	1,740	3,255	4,995
Lain-lain [2]	862	948	-479	469
Jumlah	14,237	3,827	5,380	9,206

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk entiti tempatan lain dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis
(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Dis 04	**Jan 05**	**Feb 05**	**Jan - Feb 05**
Deposit tetap	3,718	2,056	4,667	6,723
NID	1,989	1,362	-1,262	99
Deposit permintaan	2,191	3,518	-1,125	2,392
Deposit tabungan	1,799	84	641	725
Perjanjian beli balik (Repo)	1,862	-2,278	2,588	310
Deposit mata wang asing	24	-309	-304	-613
Deposit SPI	2,385	-769	-33	-801
Lain-lain	269	163	208	371
Jumlah	14,237	3,827	5,380	9,206

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal kukuh

Pembiayaan sektor swasta kekal kukuh pada bulan Februari. Pada asas tahunan, jumlah pembiayaan kasar yang diberikan kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan pasaran modal mengembang 10.8% (Januari: 11%). Walau bagaimanapun, pada asas bulanan, pembiayaan kasar adalah lebih rendah, iaitu pada RM37.4 bilion. Ini sebahagiannya mencerminkan bilangan hari bekerja yang kurang sedikit pada bulan tersebut. Walaupun begitu, pada asas bersih, jumlah pembiayaan yang diberikan kepada sektor swasta (pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul) adalah lebih tinggi sebanyak RM4 bilion, iaitu pada kadar pertumbuhan 8.9% (+RM1.3 bilion atau 8.8% pada bulan Januari). Ini mencerminkan pengembangan pembiayaan untuk ekonomi.



Pembiayaan sektor swasta kasar adalah lebih rendah disebabkan bilangan hari bekerja pada bulan tersebut yang kurang sedikit

Aktiviti pemberian pinjaman bank kekal kukuh pada bulan Februari. Khususnya, pinjaman yang dikeluarkan meningkat pada kadar tahunan yang lebih kukuh sebayak 11.2% (Januari: 7.3%). Peningkatan pinjaman yang dikeluarkan meliputi kesemua sektor.

Penunjuk Pinjaman Bank

	Purata bulanan (RM b)		Pertumbuhan tahunan (%)	
	Jan	Feb	Jan	Feb
Jumlah				
Permohonan pinjaman	21.3	18.5	24.0	5.3
Kelulusan pinjaman	13.9	11.7	42.4	7.3
Pengeluaran pinjaman	42.4	36.5	7.3	11.2
Perusahaan perniagaan				
Permohonan pinjaman	11.1	9.5	21.7	1.1
Kelulusan pinjaman	6.7	4.9	67.1	-1.2
Pengeluaran pinjaman	28.9	24.6	5.9	11.7
PKS				
Permohonan pinjaman	4.2	3.7	43.6	10.0
Kelulusan pinjaman	2.4	2.3	75.1	27.7
Pengeluaran pinjaman	8.8	7.6	4.6	1.6
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	9.8	8.6	22.6	7.7
Kelulusan pinjaman	6.9	6.4	21.9	14.0
Pengeluaran pinjaman	11.5	10.2	10.7	14.7

Aktiviti pemberian pinjaman bank kekal kukuh



Penunjuk pinjaman secara bermusim lebih rendah pada bulan Februari

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pada bulan Februari kekal meluas

Dalam keadaan pengeluaran pinjaman yang masih tinggi, jumlah pinjaman terkumpul terus mengembang pada kadar pertumbuhan tahunan yang lebih teguh sebanyak 8.3% pada akhir bulan Februari (8% pada akhir bulan Januari). Jumlah pinjaman terkumpul kepada perusahaan perniagaan khususnya, adalah lebih tinggi pada kadar tahunan 1.4% (1.2% pada akhir bulan Januari). Ini didorong terutamanya oleh peningkatan yang kukuh dalam pinjaman terkumpul kepada PKS, yang naik pada kadar tahunan 9.1% (7.1% pada akhir bulan Januari). Bahagian pinjaman PKS dalam sektor perniagaan meningkat lagi kepada 40.7% (40.6% pada akhir bulan Januari). Sementara itu, jumlah pinjaman terkumpul kepada sektor isi rumah kekal pada kadar pertumbuhan tahunan yang mapan, iaitu 15.2% (15.2% pada akhir bulan Januari 2005).

Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal masih tinggi

Pada bulan Februari, dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal kekal tinggi berjumlah RM2.4 bilion, terutamanya oleh sektor awam. Dana bersih yang diperoleh sektor swasta melalui pasaran-pasaran ekuiti dan sekuriti hutang swasta (PDS) adalah lebih rendah pada RM424 juta, disebabkan sebahagiannya oleh bilangan hari berurus niaga yang kurang sedikit kerana musim perayaan pada bulan tersebut. Dana yang diperoleh melalui PDS adalah untuk pembiayaan semula serta aktiviti baru.

Pada bulan Februari, satu kelas aset baru telah diperkenalkan dalam pasaran modal berikutan penerbitan bon perbandaran berasaskan prinsip Islam

yang pertama bernilai RM80 juta. Bon ini bersandarkan kutipan cukai taksiran harta benda sebuah majlis perbandaran tempatan.



KLCI ditutup lebih rendah pada bulan Mac

Pada bulan Februari, KLCI ditutup lebih rendah pada 907.38 mata (1.0% sejak akhir bulan Januari). Permodalan pasaran adalah lebih rendah pada RM725.2 bilion (-1.0% sejak akhir bulan Januari), manakala urus niaga purata harian pada bulan tersebut menurun kepada 489.7 juta unit.



KLCI merosot pada bulan Mac

Bagi tempoh 1-25 Mac, KLCI ditutup lebih rendah pada 883.40 pada 25 Mac (-2.6% sejak akhir bulan Februari) dengan permodalan pasaran pada RM707.92 bilion (-2.2% sejak akhir bulan Februari). Aktiviti pasaran adalah lebih rendah dengan urus niaga purata harian pada tempoh tersebut mencatat 480.33 juta unit.

Rizab antarabangsa bertambah kukuh

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia terus kukuh sebanyak RM8.3 bilion (AS$2.2 bilion) pada bulan Februari kepada RM272.9 bilion (AS$71.8 bilion) pada 28 Februari 2005. Kenaikan tersebut disebabkan terutamanya oleh penghantaran balik perolehan eksport yang lebih tinggi, pelaburan langsung asing dan aliran masuk pelaburan portfolio. Aliran keluar pada bulan Februari mencerminkan terutamanya pembayaran import barangan dan perkhidmatan serta beberapa pembayaran balik pinjaman luar negeri. Rizab meningkat lagi kepada RM278.3 bilion (AS$73.2 bilion) pada 15 Mac 2005. Kedudukan rizab tersebut cukup untuk membiayai 8.6 bulan import tertangguh dan merupakan 6.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Permodalan dan kualiti aset sistem perbankan bertambah baik

Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) sistem perbankan menjadi kukuh lagi kepada 14.2%, disebabkan terutamanya oleh kemasukan keuntungan yang telah diaudit beberapa institusi perbankan. Sementara itu, pinjaman tidak berbayar bersih (NPL) berdasarkan klasifikasi 6 bulan bertambah baik kepada RM28.6 bilion, justeru mengekalkan trend menurun dalam nisbah NPL bersih, yang berada pada 5.8% pada akhir bulan Februari 2005.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	Pada akhir								
	1999	2000	2001	2002	2003	Nov 04	Dis 04	Jan 05	Feb 05
Modal (%)									
Nisbah modal teras	10.1	10.7	11.1	11.1	11.1	10.9	10.8	10.8	11.1
RWCR	12.5	12.5	13.0	13.2	13.8	13.7	13.8	13.9	14.2
NPL bersih (klasifikasi 6 bulan)									
% jumlah pinjaman bersih	6.4	6.3	6.9	7.5	6.8	6.1	5.9	5.9	5.8
Jumlah (RM juta)	23,856	24,760	32,833	31,702	30,766	29,382	28,978	28,974	28,613
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6 bulan, %)	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8	1.7	1.7	1.6	1.7

* Mulai Jun 1999, jadual ini termasuk bank-bank Islam.

Penunjuk Kekukuhan Modal



RWCR berada di paras tertinggi 14.2%

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



Nisbah NPL bersih (klasifikasi 6 bulan) menurun ke 5.8%

Bank Negara Malaysia
28 Mac 2005

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Dis 04		Jan 05		Feb 05	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		50.1	10.0	53.4	7.3	51.9	9.7
M1		114.3	11.9	119.6	15.5	117.8	13.9
M2		534.2	25.4	539.9	25.5	540.9	24.9
M3		617.7	12.4	624.2	12.5	630.2	12.4
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		624.0	12.7	627.8	13.3	633.2	12.6
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		514.0	8.5	513.8	8.0	516.7	8.3
Nisbah pinjaman-deposit (%)		78.6		78.1		77.7	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		87.7		87.2		86.8	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		22.2	16.6	21.3	24.0	18.5	5.3
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		15.0	5.8	13.9	42.4	11.7	7.3
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		48.9	12.7	42.4	7.3	36.5	11.2
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		42.2	-7.6	43.3	11.8	33.6	2.2
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)		13.7		13.8		13.9	
NPL bersih: Klasifikasi 6 bulan (%)		6.1		5.9		5.9	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM (bilion)		253.5		264.6		272.9	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)		66.7		69.6		71.8	
Bilangan bulan import tertangguh		8.0		8.3		8.6	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.70		2.70		2.70	
Antarabank:	Semalaman	2.69 [2.69]		2.70 [2.70]		2.69 [2.69]	
	Seminggu	2.72 [2.71]		2.73 [2.71]		2.69 [2.71]	
	1 bulan	2.77 [2.77]		2.78 [2.77]		2.78 [2.78]	
	3 bulan	2.80 [2.80]		2.79 [2.79]		2.79 [2.79]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	3.00		3.00		3.00	
	3 bulan	3.00		3.00		3.00	
BLR bank perdagangan		5.98		5.98		5.98	
ALR bank perdagangan		5.98		5.98		5.95	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)		107.2	2.1	107.5	2.4	107.6	2.4
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (1989=100)		148.0	3.4	148.5	3.6	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Euro		5.1729		4.9480		5.0437	
Paun Sterling		7.3169		7.1617		7.3065	
100 Yen Jepun		3.7026		3.6669		3.6282	
Dolar Singapura		2.3258		2.3175		2.3360	
100 Baht Thailand		9.7636		9.8535		9.9139	
100 Peso Filipina		6.7706		6.8966		6.9463	
100 Rupiah Indonesia		0.0408		0.0415		0.0410	
100 Won Korea		0.3671		0.3698		0.3781	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	5.0		1.2		2.0	
	swasta	0.7		2.3		0.4	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		907.4		916.3		907.4	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		722.0		731.7		725.2	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan ke atas deposit sistem perbankan.